

# Arif rangkul tiga anugerah

S4 15/07/08 Pg.T4

Kejayaan luar biasa itu ialah hasil doa dan restu seluruh keluarga yang tinggal di Sabah.

■ ROSHLAWATY RAIH

## KUALA TERENGGANU -

Anak pemandu bas dari Semporna, Sabah, Arif Mandangan, 23, melakar kejayaan tersendiri apabila merangkul tiga anugerah pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 2008 di Auditorium Mahyuddin, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, semalam.

Pelajar Fakulti Sains dan Teknologi itu telah menggonдол Anugerah Pelajar Terbaik keseluruhan Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi), Pelajar Terbaik Akademik Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi) dan Anugerah Terbaik Keseluruhan Fakulti Sains dan Teknologi.

Katanya, kejayaan luar biasa itu ialah hasil doa dan restu seluruh keluarga yang tinggal di Sabah.

"Tanpa doa daripada mereka, mana mungkin saya berjaya dengan cemerlang pada hari ini."

"Malah, pengorbanan mereka membenarkan saya melanjutkan pelajaran di UMT



Arif dicium ibu, Jumaati (kiri) dan ibu angkat, Kamsah Mohd Min selepas berakhir Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang UMT, semalam.

adalah sesuatu yang sukar dibalas. Ini sebab, dengan bilangan adik beradik yang ramai iaitu 11 orang, mana mungkin bapa, Mandangan Jaafilul, 51 dan ibu, Jumaati Salleh, 45 melepaskan saya pergi.

"Tetapi, demi mengejar cita-cita sebagai seorang pensyarah, maka pengorbanan perlu dilakukan dan anugerah hari ini saya hadiahkan kepada seluruh keluarga saya di

Semporna," katanya.

Dia yang mendapat wang tunai sebanyak RM2,000, sijil penghargaan dan medal bersalut emas hasil bagi ketigatiga anugerah berkenaan memberitahu, dia pernah mengalami zaman kemerosotan ketika berada pada semester tiga.

"Keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) pernah jatuh daripada 3.7 kepada 3.48.

"Mungkin disebabkan saya terlalu aktif dengan kegiatan kokurikulum di universiti.

"Namun, saya bersyukur sebab dapat mengimbangi semula keputusan tersebut dan kini saya berjaya memperoleh CGPA 3.73," ujarnya yang kini sudah pun menerima tawaran bekerja sebagai tutor di UMT dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).